

SULIT

1103/1

1103/1

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

OKTOBER 2023

2 JAM

NO KAD PENGENALAN

						-			-				
--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

Nama Pelajar :

Tingkatan :



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
(CAWANGAN KELANTAN)**

**MODUL KOLEKSI ITEM
PERCUBAAN SPM
2023**

**BAHASA MELAYU
KERTAS 1
MASA : DUA JAM**

ARAHAN:

1. *Kertas ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas ini mengandungi 4 halaman bercetak

BAHAGIAN A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.


Petikan dan grafik di bawah menunjukkan sebahagian maklumat berkaitan pencemaran alam sekitar.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang pencemaran alam sekitar.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

“Hasil siasatan yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor pembakaran terbuka melibatkan tiga lokasi menjadi punca utama kepada pencemaran


Pencemaran Alam Sekitar



- Air
- Udara
- Tanah
- Bunyi

PERSEKITARAN gerai makan di Jalan 343, Seksyen 51A yang didakwa tidak alihutaskan dengan baik termasuk pembuangan sampah di merata-rata tempat.

Buang sampah bukan pada tempatnya



BAHAGIAN B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi **empat** soalan. Jawab **satu** soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.

1.

Dewasa ini, aktiviti melancong sudah menjadi semakin popular sama ada dilakukan secara individu ataupun bersama-sama keluarga. Namun begitu, masih ada yang menganggap melancong hanyalah sesuatu yang membuang masa dan wang semata-mata untuk berseronok. Melancong sebenarnya mempunyai pelbagai manfaat seperti menambahkan ilmu pengetahuan, menghilangkan stres, dan mengeratkan hubungan keluarga.

Dipetik dan diubah suai : Sumber Internet

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan manfaat-manfaat tersebut.

2.

Mutakhir, media massa sering memaparkan berita mengenai gejala sosial dalam kalangan remaja yang begitu membimbangkan seperti penyalahgunaan dadah, lumba haram, pergaduhan, kongsi gelap, dan lain-lain lagi. Oleh itu, semua pihak perlulah memainkan peranan dalam menangani gejala ini kerana remaja merupakan pewaris negara pada masa depan.

Dipetik dan diubah suai : <https://keluargabahagia.my/>

Sebagai respons terhadap petikan di atas, huraikan peranan pelbagai pihak dalam menangani gejala tersebut.

3.

Hasrat kerajaan untuk mengurangkan kadar pengangguran belia di bawah 10 peratus menjelang 2019 disambut baik oleh Pertubuhan Kebangsaan Pekerja Berkemahiran (PKPB). Setiausaha Agung PKPB Mohammad Rizan Hassan berkata, isu pengangguran dalam kalangan belia disebabkan oleh sikap terlalu memilih pekerjaan, lemah penguasaan bahasa Inggeris, dan kebanjiran pendatang asing.

Sumber : <https://www.astroawani.com/berita-malaysia>

Berdasarkan petikan di atas, jelaskan faktor-faktor tersebut.

4.

Penggunaan pengangkutan awam di negara kita seperti bas, teksi, kereta api dan sebagainya kurang mendapat sambutan masyarakat pada masa ini. Oleh itu, pihak kerajaan telah mengambil pelbagai tindakan yang sewajarnya dalam menambah baik mutu perkhidmatan awam. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan pengangkutan awam oleh masyarakat dapat meningkatkan pendapatan negara.

Dipetik dan diubah suai daripada : <https://www.scribd.com/document>

Selain kepentingan yang dinyatakan dalam petikan di atas, bincangkan kepentingan-kepentingan pengangkutan tersebut.

KERTAS TAMAT